

Pencerooban Penangkapan Ikan Secara Haram di Perairan Malaysia (*Illegal Fishing Encroachment in Malaysia Waters*)

SITI AISHAH NORIZAN
WAN SITI ADIBAH WAN DAHALAN

ABSTRAK

Perairan negara sering diceroboh oleh nelayan asing terutamanya kawasan perairan Malaysia untuk penangkapan ikan secara haram. Aktiviti penangkapan ikan secara haram ini lebih sinonim dengan frasa IUU tidak sah (*Illegal*), tidak dilaporkan (*unreported*) dan tidak terkawal (*unregulated fishing*). Persoalan timbul sejauh manakah undang-undang di Malaysia dapat menangani pencerobohan nelayan asing ini. Kajian ini meliputi punca, kaedah dan kesan penangkapan ikan secara haram oleh nelayan asing. Isu ini berpunca daripada peningkatan permintaan stok dan pertindihan skop tugas antara agensi maritim. Bukan itu sahaja, nelayan asing juga banyak menggunakan metod penangkapan ikan yang mengeruhkan lagi pencemaran di kawasan perairan Malaysia. Tambahan pula, peruntukan undang-undang tentang perikanan dan pencerobohan ke dalam perairan Malaysia juga dinyatakan dalam kajian ini. Malaysia merupakan negara anggota bagi Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982 iaitu instrumen undang-undang antarabangsa yang utama bagi aktiviti maritim dan mengiktiraf sebahagian perjanjian antarabangsa mengenai pencegahan penangkapan ikan haram yang lain. Malaysia berusaha untuk menangani isu ini dengan mengimplementasi peruntukan berhubung keselamatan perairan dan perikanan dalam perjanjian antarabangsa ke dalam undang-undang tempatan. Kajian ini mendapati bahawa undang-undang di Malaysia masih tidak cukup keberkesannya dalam membanteras isu pencerobohan perairan negara. Antara penambah baikkan yang boleh dilakukan adalah mengenakan hukuman sebatan kepada nelayan asing yang didapati bersalah menceroboh perairan Malaysia, penggubalan undang-undang mengenai laluan ikhlas dan hukuman yang berat kepada kapal induk. Oleh itu, undang-undang berkenaan zon maritim, perikanan dan nelayan asing yang sedia ada di Malaysia perlu ditambah baik bagi menjaga keselamatan perairan Malaysia.

Kata Kunci: IUU, Nelayan asing, Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa (KUULA) 1982, Undang-Undang Perikanan, Zon Maritim.

ABSTRACT

Malaysia's waters are frequently encroached upon by foreign fishermen, particularly for illegal fishing activities. These activities are often referred to by the acronym IUU, which stands for *Illegal, Unreported, and Unregulated fishing*. This study examines how effectively Malaysian laws address the encroachment by foreign fishermen, exploring the causes, methods, and impacts of illegal fishing activities. The issue arises from increased demand for fish stock and overlapping responsibilities among maritime agencies. Moreover, foreign fishermen often employ fishing methods that exacerbate pollution in Malaysia's waters. This study also discusses the legal provisions related to fisheries and the encroachment of Malaysia's territorial waters. As a member of the 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS 1982), Malaysia adheres to international legal frameworks for maritime activities and has incorporated some international agreements into local laws to prevent illegal fishing. The study concludes that Malaysian laws are currently insufficient to effectively address the issue of territorial encroachment. Among the suggested improvements are the imposition of caning penalties for foreign fishermen found guilty of encroachment, the formulation of specific laws regarding innocent passage and stricter penalties for mother ships. Thus, existing laws on maritime zones, fisheries, and foreign fishermen in Malaysia need to be enhanced to safeguard the nation's water.

Keywords: IUU, Foreign Fishermen, 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea, Fisheries Law, Maritime Zones.

PENGENALAN

Ikan mengikut Seksyen 2 Akta Perikanan 1985 bermaksud mana-mana hidupan atau tumbuhan akuatik termasuklah mamalia akuatik kecuali memerang, penyu atau telurnya. Pendaratan ikan laut di Semenanjung Malaysia kebanyakannya terdiri daripada ikan pelagik, ikan demersal, udang, sotong, ketam dan kerangan (Jabatan Perikanan Malaysia 2020). Selain itu, perikanan turut telah didefinisikan dalam Akta Perikanan 1985 sebagai stok ikan yang boleh digunakan dengan tujuan pengurusan, pemuliharaan dan pemajuan. Aktiviti menangkap ikan bagi memperoleh stok ikan juga termasuk di bawah definisi Seksyen 2 Akta Perikanan 1985. Penangkapan ikan dilakukan dengan pelbagai cara antara kaedahnya termasuklah menggunakan pukat tunda, pukat jerut, pukat hanyut dan pancing (Mulyono S Baskoro & Roza Yusfiandayani 2017). Cawangan Pengutipan Data Perikanan (2019) menyatakan bahawa sektor perikanan merupakan antara penyumbang utama kepada sektor pertanian dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu sebanyak 12%. Cawangan Pengutipan Data Perikanan (2019) juga menyatakan bahawa pada tahun 2019 sahaja, RM15.26 bilion telah dijana hasil dari pengeluaran daripada sektor perikanan. Dalam pada itu, sub-sektor perikanan pantai dan laut dalam telah menyumbang 77.7% bersamaan dengan RM11.336 bilion kepada sektor perikanan. Ini menunjukkan penangkapan ikan adalah menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara.

AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN: TIDAK SAH (*ILLEGAL*), TIDAK DILAPORKAN (*UNREPORTED*) & TIDAK TERKAWAL (*UNREGULATED*)

Aktiviti penangkapan ikan bukan sahaja dilakukan oleh nelayan tempatan malahan terdapat nelayan asing yang mencero- boh ke dalam kawasan perairan Malaysia bagi

melakukan penangkapan ikan di perairan Malaysia. Pencero- boh yang dilakukan oleh nelayan asing bagi menangkap ikan ini bukanlah isu yang baharu di Malaysia. Pada tahun 2019 sahaja, sebanyak 104 buah bot dan 887 orang kru nelayan asing telah ditahan kerana melakukan pencero- boh penangkapan ikan di perairan Malaysia (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2019). Sehubungan itu, adalah didapati pada suku kedua 2019, nelayan Vietnam mendominasi jumlah tahanan iaitu 91 buah bot dan 780 orang kru berbanding nelayan dari Indonesia sebanyak 4 buah bot serta 17 orang kru dan 9 buah bot serta 90 orang kru dari Negara Thai (APMM 2020).

Walau bagaimanapun, sebagai negara yang mempunyai permintaan tinggi dalam sektor perikanan, aktiviti pencero- boh penangkapan ikan ini masih memberi implikasi yang besar kepada ekonomi negara. Saban tahun, Malaysia kerugian 6 billion ringgit yang bersamaan dengan 980,000 metrik tan hasil tangkapan ikan di perairan Malaysia yang ditangkap secara haram hasil pencero- boh nelayan asing (Noorsila 2017). Walaupun Malaysia telah melaksanakan peruntukan undang- undang yang terdapat dalam Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982 (KUULA 1982) ke dalam undang-undang domestiknya dalam usaha melindungi kawasan perairan maritim dari ancaman luar, aktiviti pencero- boh seperti penangkapan hasil laut oleh nelayan asing masih bermaharajalela.

Oleh hal yang demikian, wujud persoalan sejauh manakah kecukupan peruntukan undang-undang yang digubal dalam melindungi aset perairan Malaysia dari nelayan asing? Usaha menghentikan kegiatan pencero- boh penangkapan ikan juga dijalankan secara global. Buktinya, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menandatangani *International Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IPOA-IUU)*. Aktiviti pencero- boh penangkapan ikan ini juga

sinonim dengan ‘Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) fishing’ atau penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak diwartakan. Menurut Fasal 3.1 IPOA-IUU *International Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing*, penangkapan ikan secara haram atau illegal fishing merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh kapal tempatan atau antarabangsa di perairan sebuah negara perairan pantai tanpa permit dari negara perairan pantai tersebut. Manakala, Fasal 3.2 IPOA-IUU menjelaskan tentang unreported fishing atau aktiviti penangkapan ikan yang tidak dilaporkan atau salah lapor kepada pihak berkuasa. Fasal 3.3 IPOA-IUU memberi definisi kepada unregulated fishing atau penangkapan ikan yang tidak diwartakan iaitu aktiviti penangkapan ikan yang dilakukan oleh kapal yang tidak mempunyai bendera dari mana-mana negara perairan pantai atau kapal tersebut melakukan aktiviti penangkapan ikan yang berbeza dari kaedah pemuliharaan yang ditetapkan oleh negara perairan pantai tersebut (FAO 2001).

Konvensyen perikanan antarabangsa sebahagian besarnya telah memberi kesan kepada perangkaan dalam usaha mengawal selia aktiviti perikanan Malaysia sejak 1980 bagi menggalakkan aktiviti penangkapan ikan yang lebih mampan di Selat Melaka (Wong H.S. & Yong C.C 2020). Selepas perang dunia kedua, tuntutan negara-negara perairan pantai terhadap zon maritim seperti perairan wilayah adalah semakin banyak. Hal ini adalah kerana negara-negara tersebut menginginkan bidang kuasa sepenuhnya terhadap kawasan-kawasan tersebut (Zaki 2011). Sebelum itu, kawasan maritim yang dituntut itu adalah termasuk di dalam laut lepas di mana semua negara bebas untuk mengeksploitasi kawasan laut lepas tanpa kawal selia dari mana-mana negara perairan pantai (Mohammad Zaki Ahmad 2011). Selain itu, negara yang membuat tuntutan itu juga

bergantung kepada sektor perikanan maka negara tersebut ingin mendapatkan bidang kuasa penuh terhadap penggunaan zon maritim bagi mendapat kawalan sepenuhnya terhadap penerokaan sumber marin di perairan negara itu (Windley D.W. 1969).

Pada 1958, sebuah persetujuan melibatkan pelbagai hala antara negara bagi isu penggunaan dan bidang kuasa ke atas laut dunia. Persetujuan ini digelar KUULA yang pertama atau Persidangan Geneva 1958. Malaysia telah menandatangani Konvensyen Geneva mengenai Pelantar Benua 1958, Konvensyen Geneva mengenai Laut Wilayah dan Zon Berdampingan 1958, Konvensyen Laut Lepas 1958 dan Konvensyen mengenai Perikanan dan Pemuliharaan Sumber Hidupan Laut Lepas 1958 (Hazmi 2010). Namun, persidangan ini tidak berjaya meletakkan peruntukan-peruntukan Konvensyen tersebut dalam satu instrumen (Tullio 2008).

Sebuah lagi persidangan telah diadakan untuk mencapai kata sepakat tentang keluasan perairan wilayah dan bidang kuasa eksklusif terhadap perikanan pada 1960 dan digelar KUULA II atau Persidangan Geneva 1960. Namun, kata sepakat tidak berjaya dicapai bagi isu-isu tersebut (UN Office of Legal Affairs). Negara-negara telah mencapai kata sepakat bagi KUULA III pada 1982 setelah pelbagai rundingan diplomasi dan persidangan diadakan (Mohammad Zaki Ahmad 2011)

PERUNTUKAN KONVENSYEN UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA BERKAITAN PENCEROBOHAN PENANGKAPAN IKAN

Selaras dengan hak dan kewajipan yang termaktub di bawah KUULA 1982 dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Jabatan Perikanan Malaysia (DOFM) telah ditubuhkan bagi menggubal

dasar dan strategi pengurusan yang berkesan bagi aktiviti perikanan di Malaysia (Wong & Yong 2020). Selain itu, terdapat beberapa konvensyen lain yang bertujuan menyelia aktiviti pencerobohan penangkapan ikan seperti UN Fish Stocks Agreement 1995 yang menjelaskan pemeliharaan stok ikan yang bermigrasi ke Zon Ekonomi Eksklusif negara perairan pantai yang berbeza. Seterusnya, *Food and Agriculture Organization (FAO) Code of Conduct for Responsible Fisheries* (1995) mengandungi piawaian antarabangsa bagi aktiviti penangkapan ikan. Konvensyen ini dijadikan sebagai panduan kepada negara perairan pantai dalam menggubal peruntukan undang-undang domestik tentang perdagangan perikanan. Seterusnya, *FAO Agreement on Port State Measures to Prevent, Deter and Eliminate, Illegal Unreported and Unregulated Fishing* (2009) berfungsi menghalang kapal yang terlibat dalam pencerobohan penangkapan ikan daripada berlabuh dan mendaratkan tangkapan ikan. Akhir sekali, *Voluntary Guidelines for Flag State Performance* (2014) adalah bertujuan menyelia dan mengukuhkan pematuan negara perairan pantai terhadap konvensyen-konvensyen yang terlibat dalam pengawalan pencerobohan penangkapan ikan.

KONVENSYEN UNDANG-UNDANG LAUT ANTARABANGSA 1982 (KUULA 1982)

LALUAN IKHLAS

Dalam kes *Corfu Channel (Merits)* 1949, isu sama ada kapal perang British mempunyai hak untuk melalui Selat *Corfu* telah dibawa ke hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Mahkamah memutuskan bahawa "negeri pada masa aman mempunyai hak untuk menghantar kapal perang mereka melalui selat yang digunakan untuk pelayaran antarabangsa antara dua bahagian laut lepas tanpa kebenaran sebelumnya dari negara

perairan pantai (Mohd Fadzil Shuhaimi 1991). Keputusan Mahkamah ini kemudiannya dimasukkan ke dalam Fasal 16(4) Konvensyen Geneva mengenai Laut Wilayah dan Zon Berdampingan 1958, satu-satunya artikel yang berkaitan dengan pelayaran melalui selat dalam KUULA I (Mohd Fadzil Shuhaimi 1991). Sebelum persetujuan KUULA III pada 1982, Malaysia dan Indonesia tidak mengiktiraf Selat Melaka sebagai selat antarabangsa namun, mengiktiraf laluan ikhlas pada selat itu (Fadzil 1991).

Menurut Fasal 17 KUULA 1982, kapal dari semua negara bebas untuk menggunakan laluan ikhlas ketika melalui perairan wilayah sebuah negara perairan pantai. Laluan tersebut menurut Fasal 18(1) KUULA 1982 menyatakan bahawa kapal itu boleh menyeberangi perairan wilayah tanpa memasuki perairan dalam, atau meneruskan ke atau dari perairan dalaman. Namun, pergerakan kapal tersebut mestilah berterusan dan dalam kadar yang segera seperti yang dinyatakan dalam Fasal 18(2) KUULA 1982. Fasal 20 KUULA 1982 menyatakan bahawa kapal selam dan kapal bawah air lain adalah diperlukan untuk mengemudi di permukaan perairan wilayah semasa melalui laut wilayah negara perairan pantai yang lain serta perlu mengibarkan negeri bendera mereka.

Selain itu, negara perairan pantai tidak boleh mengenakan tol dan caj kepada kapal asing hanya kerana kapal itu menggunakan laluan ikhlas negara perairan pantai itu tetapi boleh dikenakan untuk caj perkhidmatan khusus lain yang diberikan kepada kapal seperti yang termaktub dalam Fasal 26(1) dan (2) KUULA 1982. Menurut Fasal 24(1) KUULA 1982, negara perairan pantai dilarang untuk menghalang laluan ikhlas sesebuah kapal melainkan jika kapal itu melakukan kesalahan seperti kapal asing melakukan penangkapan ikan atau laluan ikhlas yang dibenarkan itu akan menjejaskan keselamatan negara perairan pantai itu. Oleh itu, negara perairan pantai

mempunyai kuasa untuk melarang penangkapan ikan oleh nelayan asing di perairan wilayahnya sekali gus membolehkannya memonopoli sumber perikanan yang ada.

LALUAN TRANSIT

Kawasan selat boleh memiliki zon maritim yang telah ditetapkan dalam KUULA 1982 bergantung kepada saiz dan kelebarannya (Mohd Hazmi bin Mohd Rusli 2010). Apabila jarak dari satu pantai ke pantai yang lain adalah kurang daripada 24 batu nautika, laluan transit terpakai pada selat itu (Mohd Hazmi 2010). Kebebasan pelayaran yang sama seperti di Zon Ekonomi Eksklusif seperti yang dinyatakan dalam Fasal 36 dan Fasal 58(1) KUULA 1982 terpakai kepada pada selat yang mempunyai lebar lebih daripada 24 batu nautika. Berdasarkan Fasal 42(1)(c) KUULA 1982, negara-negara selat yang berjiran boleh menggubal undang-undang berkaitan perikanan di laluan transit seperti aktiviti penangkapan, vesel perikanan dan peralatan penangkapan ikan.

PERUNTUKAN NEGARA ARCIPELAGIK

Malaysia merupakan salah satu pulau dalam rejim kepulauan terbesar di dunia. Arcipelago ini mempunyai 20,000 pulau dan kebanyakan pulau ini tidak berpenghuni (Woolley, Carrie R 2010). Menurut Fasal 51(1) KUULA 1982, negara kepulauan dikehendaki menghormati perjanjian sedia ada dengan negara jiran dan mengiktiraf hak penangkapan ikan tradisional dan aktiviti sah lain di kawasan tertentu dalam perairan kepulauan, dengan mengambil kira status zon maritim negara kepulauan dalam Fasal 49 KUULA 1982. Sifat, skop penggunaan hak dan aktiviti ini, serta terma dan syarat yang mengawal pelaksanaannya hendaklah dipersetujui menggunakan perjanjian dua hala antara negara kepulauan berkenaan. Pemindahan

atau perkongsian hak ini dilarang secara nyata kepada mana-mana pihak ketiga, termasuk warga negara ketiga. Sebagai contoh, Malaysia dan Indonesia telah memeterai sebuah perjanjian dua hala iaitu Perjanjian Indonesia-Malaysia Mengenai Hak Tradisional Penangkapan Ikan oleh Rakyat Malaysia di Perairan Arcipelagik dan Zon Ekonomi Eksklusif Indonesia 1982 bagi membenarkan nelayan tradisional dari Malaysia untuk melakukan penangkapan di perairan kepulauan dan Zon Ekonomi Eksklusif Indonesia (Hasjim 2001).

PERUNTUKAN PEMELIHARAAN DAN PERLINDUNGAN HIDUPAN MARIN

Menurut Fasal 61(1) KUULA 1982, negara perairan pantai bertanggungjawab untuk memelihara sumber hidupan marinnya dengan menentukan jumlah maksimum sumber hidup yang boleh ditangkap dalam zon ekonomi eksklusifnya. Selain itu, Fasal 62 KUULA 1982 menyatakan bahawa negara perairan pantai dibenarkan untuk menggunakan sumber hidupnya secara optimum. Fasal 62(2) KUULA 1982 pula membenarkan negara lain untuk menggunakan sumber hidupan di negara perairan pantai itu jika terdapat lebihan sumber hidupan di zon ekonomi eksklusif itu. Namun, kebenaran ini mestilah berdasarkan Fasal 61 KUULA 1982 dan melalui perjanjian antara negara perairan pantai dan negara lain itu. Negara perairan pantai tersebut menurut Fasal 62(3) KUULA 1982 juga mestilah mempertimbangkan keperluan negara lain itu terutamanya jika negara itu adalah negara membangun dan kekerapan aktiviti penangkapan sumber hidupan oleh rakyat negara lain itu dalam kawasan zon ekonomi eksklusif negara perairan pantai itu. Seterusnya, Fasal 62(4) (a) hingga (e) KUULA 1982 menjelaskan tentang syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh rakyat asing yang melakukan penangkapan sumber

hidupan di zon ekonomi eksklusif sebuah negara perairan pantai seperti memperoleh lesen untuk membuat tangkapan ikan, vesel dan peralatan tangkapan yang digunakan, mengisytiharkan spesies tangkapan yang dibuat. Selain itu, vesel tangkapan ikan itu mestilah menyatakan maklumat yang diperlukan, termasuk statistik tangkapan serta laporan kedudukan kapal.

PERUNTUKAN TENTANG KEJAR BURU (*HOT PURSUIT*)

Fasal 23(1) dan 111(1) KUULA 1982 memperuntukkan bahawa kejar buru “mesti dilakukan apabila kapal asing atau salah satu botnya berada di dalam perairan dalam, perairan kepulauan, laut wilayah atau zon berdampingan negara perairan pantai.” Menurut Fasal 111 KUULA 1982, negara perairan pantai boleh melakukan kejar buru jika ia mempunyai sebab yang kukuh untuk mempercayai bahawa sesebuah kapal itu telah melanggar undang-undang negara perairan pantai itu. Walaupun kejar buru ini boleh dilakukan perairan wilayah, zon berdampingan dan perairan arquipelagik namun, menurut klausa (2) fasal 111, kejar buru ini juga boleh dilakukan di zon ekonomi eksklusif dan kawasan pelantar benua yang mengunjur sebanyak 350 batu nautika bermula dari kawasan perairan wilayah dan secara langsung meliputi sebahagian laut lepas. Menurut klausa (3), kejar buru tamat sebaik sahaja kapal yang dikejar itu masuk ke perairan wilayah negaranya atau perairan wilayah negara perairan pantai yang lain.

Menurut klausa (4), kejar buru hanya akan bermula setelah kapal yang mengejar telah memberi isyarat untuk berhenti kepada kapal yang dikejar secara pendengaran atau penglihatan pada jarak yang sesuai dan boleh dikenal pasti oleh kapal yang dikejar itu. Kejar buru hanya boleh dilakukan oleh kapal yang berada di

bawah khidmat kerajaan seperti kapal perang atau kapal tentera.

TATAKELAKUAN PERTUBUHAN MAKANAN DAN PERTANIAN (FAO) UNTUK PERIKANAN YANG BERTANGGUNGJAWAB (1995)

Undang-undang alam sekitar antarabangsa sentiasa mengambil kira instrumen undang-undang yang tidak mengikat atau “*soft law*”. Contoh instrumen undang-undang tidak mengikat ialah pengisytiharan, piagam, tatakelakuan, resolusi, keputusan pertubuhan antara kerajaan antarabangsa, dan garis panduan (Weiss 2014). Walaupun instrumen ini tidak mengikat negara-negara namun instrumen ini menetapkan norma bahawa negara-negara ini diharapkan akan menghormati peruntukan dalam instrumen ini. Pada masa lalu, instrumen ini sering menjadi langkah permulaan terhadap rundingan perjanjian yang kemudiannya akan mengikat negara anggota (Weiss 2014).

Tatakelakuan ini menjelaskan tentang tanggungjawab untuk menangkap ikan dengan bertanggungjawab di samping menjelaskan hak untuk menangkap ikan. Hal ini adalah bagi memastikan pemuliharaan dan pengurusan sumber akuatik hidup yang berkesan (M.R. Boopendranath 2013). Malaysia merupakan salah satu negara anggota bagi tatakelakuan ini (Jabatan Perikanan Malaysia 2013).

Fasal 6.10 menyatakan bahawa negara perairan pantai perlu mengambil langkah-langkah untuk memastikan perikanan terpelihara dengan mengawal aktiviti kapal yang menjalankan aktiviti tangkapan ikan. Menurut Fasal 7.6.2., negara mestilah memastikan kapal yang tiada kebenaran dari negara itu tidak melakukan sebarang aktiviti tangkapan ikan di perairan negara itu ataupun di laut lepas. Selain itu, Fasal 7.6.4 menjelaskan bahawa peralatan atau cara-cara yang

digunakan untuk menangkap ikan mestilah bertepatan dengan penangkapan ikan yang bertanggungjawab.

Bukan itu sahaja, Fasal 7.7.3 menerangkan bahawa negara-negara harus melaksanakan pemantauan perikanan, kawalan, pengawasan dan langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang dengan berkesan termasuk, program pemerhati, skim pemeriksaan dan sistem pemantauan kapal bertepatan dengan undang-undang domestiknya. Menurut Fasal 8.1.4, tanggungjawab negara adalah untuk mengeluarkan sistem untuk mengawal selia segala aktiviti perikanan dan aktiviti yang berkaitan dengannya.

**PELAN TINDAKAN
ANTARABANGSA UNTUK
MENCEGAH, MENGHALANG DAN
MENGHAPUS PENANGKAPAN IKAN
YANG TIDAK SAH, TIDAK
DILAPORKAN DAN TIDAK
TERKAWAL (IPOA-IUU)**

Berdasarkan kerangka kerja yang telah ditetapkan dalam *FAO Code of Conduct for Responsible Fisheries*, IPOA-IUU telah dibangunkan sebagai instrumen sukarela (*voluntary instrument*) (FAO 2001). Instrumen ini terpakai kepada semua negara, entiti dan nelayan. Tujuannya adalah supaya dapat mencegah penangkapan ikan haram, tidak dilaporkan dan tidak diwartakan (IUU) (Jabatan Perikanan Malaysia 2013).

Fasal 3.1.1 IPOA-IUU menyatakan bahawa penangkapan ikan haram bermaksud tangkapan ikan yang dilakukan oleh kapal asing tanpa izin negara perairan pantai atau penangkapan yang dilakukan melanggar undang-undang negara perairan pantai itu. Selain itu, Fasal 18 menyatakan semua negara perlu bekerjasama dalam mengenal pasti warganegara yang mengendalikan atau memiliki kapal penangkapan ikan yang terbabit dalam pencerobohan penangkapan ikan.

Bertepatan dengan Fasal 25 IPOA-IUU, Jabatan Perikanan Malaysia telah

menggubal sebuah Pelan Tindakan Kebangsaan bagi menangani pencerobohan penangkapan ikan atau dikenali sebagai Malaysian NPOA-IUU. Menurut Fasal 4.2.2., kapal asing yang ingin melakukan penangkapan ikan di perairan Malaysia mestilah menunjukkan dokumen sah. Malaysia mementingkan pemeliharaan jangka panjang sumber hidupan marin (Jabatan Perikanan Malaysia 2013).

**PERJANJIAN (FAO) MENGENAI
LANGKAH-LANGKAH NEGERA
PELABUHAN UNTUK MENCEGAH,
MENGHALANG DAN MENGHAPUS,
PENANGKAPAN IKAN HARAM
TIDAK DILAPORKAN DAN TANPA
KAWALAN (2009)**

Perjanjian ini bertujuan untuk mencegah kapal yang terlibat dalam kegiatan pencerobohan penangkapan ikan untuk mendaratkan tangkapan mereka di pelabuhan tempatan dan antarabangsa (FAO 2016). Model skema bagi '*port state measures*' yang baik telah diwujudkan oleh FAO pada tahun 2005 bagi menangani penangkapan pencerobohan penangkapan ikan secara haram (Akmalhisham 2008). Terdapat banyak undang-undang domestik khusus, seperti Akta Perikanan 1985, Akta Kastam 1967, Akta Kapal Dagang 1952, dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan organisasi pengurusan perikanan serantau (RFMO) untuk menguatkuasakan persetujuan ini di pelabuhan kemasukan ke Malaysia, walaupun Malaysia bukan sebuah negara anggota bagi persetujuan ini (Ganesan & Yazid 2021).

Selain itu, FAO juga telah mengeluarkan *Voluntary Guidelines for Flag State Performance* (2014). Panduan ini juga merupakan salah satu instrumen di bawah FAO Agreement on Port State Measures to Prevent, Deter and Eliminate, *Illegal Unreported and Unregulated Fishing* (2009). Walaupun begitu, terdapat juga instrumen undang-undang

antarabangsa lain yang berkaitan dengan pencerobohan penangkapan ikan tetapi tidak diratifikasi oleh Malaysia seperti UN Fish Stocks Agreement 1995 dan FAO *Agreement on Port State Measures to Prevent, Deter and Eliminate, Illegal Unreported and Unregulated Fishing* 2009 (Minderoo Foundation t.th.)

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DOMESTIK BERKAITAN PENCEROBOHAN PENANGKAPAN IKAN

Malaysia mengamalkan doktrin perubahan (doctrine of transformation) terhadap undang-undang antarabangsa (Abdul Ghafur Hamid @ Khin Maung Sein 2019). Perjanjian undang-undang antarabangsa yang mengikat akan digubal dan diluluskan di peringkat domestik oleh Parlimen lalu akan menjadi sebuah undang-undang yang mengikat dalam Malaysia menurut Fasal 74 Perlembagaan Persekutuan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2017) menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara anggota bagi KUULA 1982. Sehubungan itu, Malaysia secara beransur-ansur melaksanakan undang-undang domestiknya sesuai dengan kewajipan perjanjianannya. Dalam usaha membanteras pencerobohan penangkapan ikan Malaysia telah meluluskan Akta Perikanan 1985, Akta Laut Wilayah 2012 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Selain itu, Akta Laut Wilayah 2012 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 bertujuan untuk menerangkan zon maritim Malaysia dengan lebih terperinci dan menjelaskan bidang kuasa negara dan hak berdaulat di zon tersebut (Faradhilah 2019).

AKTA PERIKANAN 1985

KUULA 1982 membenarkan hak milik negara perairan pantai untuk mengurus sumber perairannya sehingga 200 batu nautika dari pantai. Berikutan pengisytiharan ini, Parlimen Malaysia

meluluskan Akta Perikanan 1985 yang berfungsi untuk mengimplementasi peruntukan dalam KUULA 1982 ke dalam undang-undang Malaysia (Faradhilah 2019). Akta ini juga membenarkan Jabatan Perikanan Malaysia untuk memperkenalkan pelbagai dasar, seperti sistem pengezonan dan pelesenan yang baharu, mengikut jenis kapal, peralatan dan zon perlindungan marin (Wong & Yong 2020). Maka, Akta Perikanan 1985, bersama dengan peraturan dan dasar pengurusan perikanan, mengawal semua bentuk penangkapan ikan (Jabatan Perikanan Malaysia 2013).

Akta Perikanan 1985 melibatkan perlindungan kelestarian dan pengawalan perikanan serta penyu yang merangkumi laut dan sungai (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia 2019). Seksyen 15 melarang vesel asing dari melakukan aktiviti penangkapan atau penulisan ikan tanpa kebenaran kerajaan Malaysia. Dalam pada itu, akta ini mengklasifikasikan jenayah perikanan kepada 5 kategori yang dinyatakan dalam Bahagian VI (Yusuf 2018). Seksyen 25 menjelaskan tentang hukuman kesalahan penangkapan ikan oleh vesel atau rakyat negara asing.

Seterusnya, Seksyen 26 pula menggariskan tentang kesalahan aktiviti penangkapan ikan yang menggunakan bahan letupan atau peralatan elektronik serta individu yang memiliki bahan letupan dan alat elektronik yang bertujuan membunuh ikan dan memiliki spesies ikan yang terlarang. Kategori ketiga dinyatakan di bawah Seksyen 27 berkaitan kesalahan penangkapan hidupan mamalia akuatik dan penyu dalam perairan Malaysia. Seksyen 27(3) menyatakan bahawa jika mamalia atau penyu ditangkap secara tidak sengaja, maka perkara itu mestilah dilaporkan kepada pihak berkuasa. Kegagalan berbuat demikian seperti yang disebutkan dalam Seksyen 27 akan dikenakan denda kurang RM5000. Selain itu, Seksyen 28 memperuntukkan kategori jenayah keempat iaitu membinasakan atau

menjahanamkan vesel. Kategori kelima iaitu menghapuskan bukti telah dinyatakan dalam Seksyen 29. Menurut peruntukan ini, seseorang itu adalah bersalah jika dia memusnahkan atau mengecualikan sebarang hasil tangkapan atau alatan penangkapan dalam usaha mengelakkan diri dari penyitaan oleh pihak berkuasa.

Selain itu, Seksyen 46 membenarkan pegawai untuk menghentikan sebuah kapal dan memeriksa dokumen tanpa waran jika dia mendapati kapal tersebut terlibat dengan kesalahan yang dinyatakan di bawah akta ini. Tambahan pula, Seksyen 47 membenarkan pegawai yang berkuasa boleh menggeledah, mengambil sampel tangkapan ikan, menahan orang dan menyita mana-mana kapal yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985. Menurut Seksyen 2 Akta Perikanan 1985 Pegawai berkuasa ialah ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan, pegawai perikanan dan pegawai Pelabuhan. Selain itu, Peraturan-Peraturan Perikanan (Maritim) (Pelesenan Kapal Perikanan Tempatan) 1985 telah dipinda oleh Parlimen supaya maklumat mengenai pendaratan ikan kini mesti dilaporkan secara tetap (Jabatan Perikanan Malaysia 2013).

AKTA LAUT WILAYAH 2012

Akta ini mempunyai tujuh seksyen secara keseluruhan. Seksyen 7 Akta Laut Wilayah 2012 membolehkan Perdana Menteri untuk menggubal peraturan dengan tujuan untuk menguatkuasakan akta ini. Seksyen 4 menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif terhadap perairan wilayahnya. Manakala, Seksyen 3(1) memberi ukuran lebar laut wilayah iaitu 12 batu nautika bagi segala maksud. Namun, peruntukan dalam Akta ini tidak menyatakan tentang laluan ikhlas yang terletak dalam perairan wilayah iaitu sebuah kawasan navigasi.

AKTA ZON EKONOMI EKSKLUSIF 1984

Akta ini terpakai kepada zon ekonomi eksklusif Malaysia menurut Seksyen 1 Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Sebanyak 42 peruntukan terdapat dalam akta ini. Seksyen 2 menyebutkan tentang 'perairan perikanan Malaysia' yang meliputi segala zon maritim Malaysia di mana kerajaan Malaysia boleh melaksanakan hak sebagai negara perairan pantai (Jabatan Perikanan Malaysia 2013). Seksyen 5(a) menyatakan bahawa individu yang tiada kebenaran dilarang untuk meneroka atau memungut hasil semula jadi tidak kira hidup atau mati dari zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua. Selain itu, Seksyen 25(1) membenarkan pegawai yang mengesyaki sebuah kapal melakukan kesalahan untuk melakukan kejar buru dengan tujuan untuk memberhentikan kapal itu lalu menahan dan membawanya masuk semula ke dalam zon ekonomi eksklusif. Seksyen 26(1) pula mengarahkan orang yang ditahan untuk segera dibawa menghadap Majistret.

AKTA ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 2016

Seksyen 63 menyatakan bahawa kapal yang didapati bukan dari Malaysia tidak akan dapat menikmati faedah atau keistimewaan perlindungan yang dinikmati oleh kapal dari Malaysia. Namun, kapal itu tertakluk kepada Akta ini bagi pembayaran penalti atau saman dan segala kesalahan yang dilakukan di atas kapal sama seperti kapal dari Malaysia yang lain.

AKTA IMIGRESEN 1959

Seksyen 6(1)(c) menyatakan bahawa tiada individu yang dibenarkan masuk ke Malaysia melainkan orang itu mempunyai dokumen yang sah yang menyatakan bahawa dia dibenarkan masuk ke Malaysia. Seksyen 22(1)(v) menjelaskan

tentang tugas tuan kapal untuk menunjukkan dokumen-dokumen tentang kapal itu. Kegagalan untuk melakukan sedemikian adalah sebuah kesalahan di bawah akta ini seperti yang termaktub dalam Seksyen 22(3) Akta Imigresen 1959. Jika seseorang itu telah dilarang oleh pegawai imigresen untuk masuk ke Malaysia namun, mengabaikan arahan tersebut, maka dia melakukan kesalahan di bawah akta ini menurut Seksyen 24(2)(b)(i) Akta Imigresen 1959.

Seksyen 49(1) pula memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengarahkan mana-mana pegawai untuk menahan mana-mana kapal yang bakal atau telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini. Pegawai tersebut boleh mengumpulkan kru kapal pada satu tempat dan meletakkan seorang pengawal jika perlu menurut Seksyen 49(2). Menurut Seksyen 50(1) pegawai imigresen boleh menyoal siasat individu yang perlu dikeluarkan dari Malaysia tentang identitinya seperti nama, kewarganegaraan, pekerjaan dan cara masuk ke Malaysia.

Selain itu Seksyen 51(2) juga membenarkan pegawai imigresen yang dinyatakan dalam subseksyen 51(1) untuk menghentikan, masuk dan memeriksa kapal tanpa waran. Selain itu, Seksyen 51(1) Akta Imigresen 1959 menyatakan bahawa pegawai tersebut boleh menyita apa-apa yang dianggap sebagai bahan bukti bahawa kapal itu melakukan kesalahan.

AKTA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA 2004

Bagi tujuan menyelaraskan dan melindungi laluan perairan Malaysia secara agresif, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah ditubuhkan. Selain itu, balai tentera laut baharu telah dibina, dan keupayaan polis maritim diperluaskan di kawasan berisiko tinggi seperti laluan air antara Sabah dan selatan Filipina (Yusuf 2018).

Menurut Seksyen 3(2), tujuan APMM adalah bagi perlindungan keamanan, keselamatan, dan keselamatan, penahanan dan pendakwaan penjenayah, dan pengumpulan perisikan keselamatan. Seksyen 2 menjelaskan bahawa bidang kuasa APMM adalah dalam zon maritim Malaysia iaitu perairan wilayah, zon ekonomi eksklusif dan perairan perikanan Malaysia. Seksyen 6 menyatakan bahawa antara tugas APMM adalah untuk menguatkuasakan mana-mana undang-undang persekutuan, mencegah apa-apa kesalahan dan memastikan keselamatan perairan maritim Malaysia.

PENAMBAHBAIKAN UDANG- UNDANG DEMOSTIK BERKAITAN PENCEROBOHAN PENANGKAPAN IKAN

Malaysia juga telah menggubal beberapa peruntukan yang membincangkan isu penangkapan ikan yang beretika seperti yang telah disebutkan dalam Akta Perikanan 1985 serta larangan rakyat asing untuk memasuki perairan negara seperti yang telah termaktub dalam Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959. Malahan, penguat kuasa juga aktif melakukan operasi memberkas nelayan asing yang melakukan pencerobohan penangkapan ikan di Malaysia. Namun, dapat dilihat juga bahawa undang-undang bagi bidang kuasa Malaysia sebagai negara perairan pantai masih lagi tidak cukup komprehensif bagi menghalang nelayan asing dari masuk ke perairan Malaysia.

Sehubungan itu, undang-undang Malaysia masih lagi belum mengiktiraf bidang kuasa penuh sebagai negara perairan pantai di laluan navigasi seperti laluan ikhlas dan zon maritim seperti zon berdampingan. Oleh itu, kedudukan Malaysia yang masih belum menggubal peruntukan mengenai laluan navigasi seperti laluan ikhlas ke dalam undang-undang domestiknya menyebabkan telah berlakunya sebuah kelompangan dalam

undang-undang tempatan. Maka, nelayan asing yang menggunakan kapal luar masih lagi bebas melakukan aktiviti penangkapan ikan haram di Malaysia kerana bidang kuasa agensi maritim dalam menghalang kegiatan pencerobohan penangkapan ikan secara haram oleh nelayan asing adalah terhad kerana Malaysia masih belum menggubal undang-undang tentang bidang kuasa terhadap laluan navigasi di kawasan perairannya.

Oleh itu, kerajaan Malaysia perlulah menggubal undang-undang bagi memperketat hukuman sedia ada bagi nelayan asing yang melakukan pencerobohan penangkapan ikan secara haram di perairan Malaysia. Antara hukuman yang boleh diimplementasikan adalah hukuman sebatan selain dari hukuman denda dan penjara bagi nelayan asing yang didapati bersalah melakukan pencerobohan ke dalam perairan Malaysia. Bukan itu sahaja, undang-undang yang membenarkan pihak berkuasa seperti APMM untuk melakukan kejar buru bagi nelayan yang menggunakan kapal induk perlulah digubal. Hal ini adalah kerana lazimnya kapal induk tersebut tidak berada dalam kawasan perairan maritim Malaysia maka, APMM tidak boleh melakukan kejar buru untuk memberkas kapal induk itu. Namun, bagi melakukan operasi sedemikian, prasarana APMM perlulah dinaiktaraf maka, kerajaan wajar memberikan peruntukan yang lebih banyak kepada APMM untuk membeli prasarana yang lebih moden. Selain itu, hasil tangkapan secara haram oleh nelayan asing wajar diharamkan untuk didaratkan di pelabuhan Malaysia agar aktiviti perdagangan ikan yang ditangkap secara haram dapat dikurangkan sekali gus menyebabkan nelayan asing tidak lagi menangkap ikan secara haram di Malaysia.

Dalam pada itu, masyarakat juga perlulah memainkan peranan penting dalam usaha mencegah nelayan asing dari menangkap ikan secara haram di perairan Malaysia. Maka, kempen kesedaran haruslah dijalankan untuk mendidik

masyarakat tentang bahaya pencerobohan penangkapan ikan oleh nelayan asing di perairan Malaysia. Selain itu, kajian bagi keadaan sosio-ekonomi nelayan perlulah dilakukan bagi memahami tindakan mereka dan seterusnya menggubal undang-undang perikanan yang lebih komprehensif serta menjalankan program yang bersesuaian bagi meningkatkan tahap pematuhan undang-undang dan pendidikan dalam kalangan nelayan tentang penangkapan ikan yang lebih beretika.

Maka, semua pihak perlulah menggembleng tenaga dalam memainkan peranan masing-masing dengan kesungguhan yang tinggi bagi memastikan cadangan ini dapat direalisasikan di pelbagai peringkat dari masyarakat hingga kerajaan. Walaupun begitu, undang-undang yang sedia ada perlulah ditambah baik dan diperhalusi bagi meningkatkan tahap keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di perairan Malaysia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, usaha mencegah aktiviti pencerobohan penangkapan ikan sedang giat dijalankan secara global. Hasilnya, terdapat beberapa garis panduan yang bertujuan menyelia aktiviti pencerobohan penangkapan ikan secara haram seperti *Food and Agriculture Organization (FAO) Code of Conduct for Responsible Fisheries* (1995) yang memberi panduan kepada negara-negara untuk menggubal undang-undang domestik tentang perikanan beretika. Selain itu, *FAO Agreement on Port State Measures to Prevent, Deter and Eliminate, Illegal Unreported and Unregulated Fishing* (2009) yang berfungsi menghalang pendaratan hasil tangkapan ikan dari pencerobohan penangkapan ikan secara haram.

Justeru, sebagai negara selat, dapat dilihat bahawa Malaysia mempunyai sikap yang prihatin terhadap isu pencerobohan nelayan asing kerana Malaysia telah mengimplementasi kebanyakan

peruntukan dari instrumen undang-undang antarabangsa yang telah ditandatangani seperti KUULA 1982 dan IPOA-IUU ke dalam undang-undang tempatan dengan teliti. Hasilnya, undang-undang tempatan berkaitan dengan pencerobohan penangkapan ikan adalah menyeluruh kerana peruntukan-peruntukan ini merangkumi semua aspek dari cara tangkapan yang dilarang sehingga ke prosedur dan hukuman bagi nelayan asing yang masuk ke dalam perairan Malaysia. Undang-undang Malaysia melarang rakyat asing untuk melakukan penangkapan ikan di perairan Malaysia tanpa permit yang sah seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4.2.2 NPOA-IUU. Namun, undang-undang ini tidak dapat dilaksanakan jika tiada penguatkuasaan. Malaysia juga telah menguatkuasakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai penjaga perairan Malaysia dari diceroboh oleh anasir-anasir luar.

RUJUKAN

- Ahmad, M. Z. (2011). International legal and normative framework for responsible fisheries, with reference to Malaysia's offshore EEZ fisheries management.
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Jumlah Penahanan Bot Nelayan Asing Dan Kru Mengikut Negara (Tahun 2006 - April 2019).
- Boopendranath, M. R. (2012). FAO code of conduct for responsible fishing operations. ICAR-Central Institute of Fisheries Technology, Cochin.
- Baskoro, M. S., & Yusfiandayani, R. (2019). Metode penangkapan ikan. PT Penerbit IPB Press.
- Cooperation, A. P. E. (2008). Case study on illegal, unreported and unregulated fishing off the East Coast of Peninsular Malaysia. Final Report submitted by Sea Resources Management Sdn Bhd.
- Asia-Pacific Economic Cooperation Working Group. Publication Number: APEC.
- Cawangan Pengutipan Data Perikanan. (2019). Perangkaan Tahunan Perikanan 2019 Jilid 1. Jabatan Perikanan Malaysia.
- Food and agriculture organization. (2001). International plan of action to prevent, deter and eliminate illegal, unreported and unregulated fishing (2001).
- Ghazali, F., Talaat, W. I., Rahman, A., & Rusli, H. (2022). Malaysian efforts in combating IUU fishing: A legal and policy review. ASEAN International Law, 415-426.
- Hamid, Abdul Ghafur@Khin Maung Sein (2019) Public international law: a practical approach, 4th ed. Thomson Reuters Asia Sdn Bhd, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
- Jabatan Perikanan Malaysia. (2013). Malaysia's National Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (Malaysia's NPOA-IUU).
- Jabatan Perikanan Malaysia. (2020). Perangkaan Tahunan Perikanan 2020 Jilid 1.
- Jabatan Perikanan Malaysia. (2013). Malaysia's National Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (Malaysia's NPOA-IUU).
- Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia. (2019). Kenyataan Media: Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2019. Putrajaya, 3 Julai.

- Majid, N. A. (2017). Malaysia Loses RM6b Annually due to Illegal Fishing in the South China Sea. *New Straits Times*.
- Shuhaimi, Mohd Fadzil, "Malaysia and the Law of the Sea" (1991). *Marine Affairs Theses and Major Papers*. Paper 255.
- Treves, T. (2008). 1958 Geneva Conventions on the Law of the Sea. *Audiovisual Library of International Law*. Last modified September.
- Teh, L., Teh, L. C., & Sumaila, U. R. (2023). *Global Fisheries: Livelihood Impact of Overfishing: Technical Report*: November 30 2022.
- United Nations. (1982). *Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa (KUULA)*. Jamaica: United Nations.
- United Nations. (2009, June 1). *Second United Nations Conference on the Law of the Sea. Diplomatic Conferences*. https://legal.un.org/diplomaticconferences/1960_los/
- Weiss, E. B. (2014). *Voluntary commitments as emerging instruments in international environmental law*. *Env'tl. Pol'y & L.*, 44, 83.
- Windley, D. W. (1969). *International practice regarding traditional fishing privileges of foreign fishermen in zones of extended maritime jurisdiction*. *American Journal of International Law*, 63(3), 490-503.
- Wong, H. S., & Yong, C. C. (2020). *Fisheries regulation: A review of the literature on input controls, the ecosystem, and enforcement in the Straits of Malacca of Malaysia*. *Fisheries Research*, 230, 105682.
- Woolley, C. R. (2010). *Piracy and Sovereign Rights: Addressing Piracy in the Straits of Malacca Without Degrading the Sovereign Rights of Indonesia and Malaysia*. *Santa Clara J. Int'l L.*, 8, 447.
- Yusuf, M., & Razak, A. (2018). *Illegal Fishing Eradication: Comparative Study of Indonesia and Malaysia*. *JL Pol'y & Globalization*, 71, 120.
- Zul Kepli, M. Y. (2022). *Anti-Money Laundering and Financial Crime Laws in Malaysia*. LexisNexis.

Siti Aishah Norizan
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
E-mel: a173658@siswa.ukm.edu.my

Wan Siti Adibah Wan Dahalan
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
E-mel: wsa@ukm.edu.my